PP

lwn.

KHAW BAK MOH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
MOHD NOOR ABDULLAH H
[SEMAKAN JENAYAH NO: 43-1-01]
13 MAC 2002

PROSEDUR JENAYAH: *Pertuduhan - Keesahan pertuduhan di bawah s. 13 Akta Makanan 1983 - Sama ada Tertuduh didakwa dalam 90 hari di bawah s. 19(2) Akta - Sama ada Izin Untuk Mendakwa Tertuduh dikemukakan dengan kuasa yang sah - Sama ada pegawai kesihatan berkuasa untuk mengemukakan aduan kepada majistret mengeluarkan saman terhadap Tertuduh di bawah Akta - Sama ada kebenaran bertulis dari timbalan pendakwa raya diperlukan terlebih dahulu - Makna "authorised officer" di bawah s. 19(1) Akta - Sama ada di luar perlembagaan*

Tertuduh dibebas dan dilepaskan oleh majistret atas tuduhan melakukan kesalahan di bawah s. 13 Akta Makanan 1983 ('Akta tersebut'). Kemudian pendakwa mengemukakan aduan kedua atas kesalahan yang sama dan Tertuduh di pertuduh di hadapan majistret sekali lagi. Tertuduh mengemukakan bantahan awalan bahawa pertuduhannya tidak sah kerana dia dipertuduhkan 90 hari selepas kesalahan tersebut dan itu bertentangan dengan s. 19(2) Akta tersebut. Lagi, Izin Untuk Mendakwa Tertuduh adalah tanpa kuasa yang sah.

Diputuskan:

[1] Pendakwaan pertama belum selesai. Tertuduh cuma dilepaskan dan bukan dibebaskan. Pendakwa mempunyai budicara untuk mendakwa semula tertuduh. Maka pendakwaan kedua adalah ekoran dan kesinambungan dari pendakwaan pertama dan oleh kerana pendakwaan pertama dibuat dalam tempoh enam bulan di bawah s. 19(2) Akta tersebut, pendakwaan kedua adalah sah dan teratur. (ms 318 f)

[2] Pegawai kesihatan berkenaan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran timbalan pendakwa raya untuk memulakan pendakwaan apabila mengemukakan aduan kepada majistret. Dengan itu, timbalan pendakwa raya tidak membuat penilian dan pertimbangan untuk mendakwa dan Izin Untuk Mendakwa yang diberikan selepas aduan dibuat kepada majistret tidak memulihkan aduan tersebut menjadi sah. (ms 319 e-f)

[3] Ungkapan "an authorised person may take proceedings under this Act" dalam s. 19(1) Akta tersebut adalah di luar perlembagaan, tidak sah dan terbatal kerana kuasa "authorised officer" itu melampaui kuasa pendakwa raya untuk mendakwa atau tidak mendakwa mana-mana orang terhadap apa-apa kesalahan di bawah Akta tersebut (Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan dan s. 376 Kanun Acara Jenayah). Kesimpulannya, pegawai berkenaan tidak berkuasa mengemukakan aduan kepada majistret untuk mengeluarkan saman terhadap Tertuduh di bawah Akta tersebut. Berikutannya, pendakwaan Tertuduh pada kali kedua di bawah Akta tersebut adalah tidak sah dan terbatal. (ms 320 c)

[Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan.]

Kes-kes yang dirujuk:
Carlsberg Brewery Malaysia Bhd v. PP [1993] 1 MLJ 273 ***(dirujuk)***
Perumal v. PP [1970] 2 MLJ 265 ***(dirujuk)***
PP v. Jamil Jilap & Ors [2000] 5 CLJ 368 ***(dirujuk)***
PP v. Oh Teck Soon [1986] 1 MLJ 3 ***(dirujuk)***
PP v. Sim Lee Kum [1995] 3 CLJ 756 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Copyright Act 1969, s. 15(4)
Criminal Procedure Code, ss. 376(iii), 377(b)
Federal Constitution, art. 145(3)
Food Act 1983, ss. 2, 19(1), (2)
Trade Description Act 1972, s. 19

Bagi pihak perayu - Roy Prabhakaran; T/n Praba & Assoc
Bagi pihak penentang - Azman Abu Hassan TPR

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Mohd Noor Abdullah H:

Tertuduh dipertuduh seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 2.2.2000 lebih kurang jam 7.00 pagi di premis Rumah Sembelih Babi di No. 5214, Kg. Selamat, Tingkat 9, 13300 Tasek Gelugor, Daerah Seberang Perai Utara dalam Negeri Pulau Pinang telah menjual 400gm daging babi mentah dengan harga RM2.00 kepada pegawai berkuasa En. Ewe Paik Tiong (No. K/P: 690203-08-5851) dan Pejabat Kesihatan Seberang Perai Utara, yang setelah dianalisa didapati mengandungi Salbutamol sejenis Beta-Agonist iaitu drug yang tidak dibenarkan di bawah Jadual Kelima Belas A, Daftar II Peraturan 40(5) Peraturan-Peraturan Makanan 1985 (Pindaan 1998). Dengan itu, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 13(1)(e) dibaca bersama-sama dengan seksyen 13(3)(d) Akta Makanan 1983 dan boleh dihukum di bawah seksyen 13(1) Akta yang sama.

Rayuan ini menimbulkan dua persoalan undang-undang: pertama, sama ada tertuduh didakwa dalam tempoh 90 hari selepas makanan itu dibeli dan kedua, sama ada izin untuk mendakwa tertuduh berkuatkuasa, berkesan dan terpakai.

Fakta Kes

Pada 2 Februari 2000 tertuduh telah menjual daging babi mentah yang setelah dianalisa didapati mengandungi Salbutamol sejenis Beta-Agonist iaitu drug yang dilarang dalam makanan. Pada 24 April 2000 pendakwa mengemukakan aduan kepada majistret untuk mengeluarkan saman terhadap tertuduh. Tertuduh telah dipertuduh di mahkamah majistret pada 31 Mei 2000 dan kes ini telah ditetapkan untuk bicara pada 30 Oktober 2000. Pada hari perbicaraan – 30 Oktober 2000 – pegawai pendakwa hadir lewat di mahkamah. Maka majistret yang bijaksana telah melepaskan tanpa membebaskan tertuduh. Kemudian pendakwa mengemukakan aduan kedua pada 8 November 2000 mengenai penjualan daging babi mentah yang sama. Pada 14 Februari 2001 tertuduh dipertuduh di hadapan majistret. Pegawai pendakwa mengemukakan izin untuk mendakwa. Tertuduh minta dibicarakan.

Isu Pertama – Tempoh 90 Hari

Pada hari perbicaraan pendakwaan kali kedua peguambela tertuduh mengemukakan bantahan awalan bahawa pertuduhan terhadap tertuduh adalah tidak sah kerana tertuduh dipertuduh 90 hari selepas makanan itu dibeli dan ini bertentangan dengan s. 19(2) Akta Makanan 1983. Tuan majistret yang bijaksana telah menolak bantahan awalan tersebut.

Seksyen 19(2) Akta Makanan 1983 menyebut:

> (2) Where any food has been purchased or procured from any person for analysis or examination, no proceedings in respect of the sale thereof or of any offence against this Act shall be instituted after the expiration of ninety days from the time of purchasing or procuring that food.

Peruntukan s. 19(2) ini telah dihuraikan dalam kes *Carlsberg Brewery Malaysia Bhd. v. Pendakwa Raya* [1993] 1 MLJ 273 di mana Mahadev Shankar J mengulas bahawa: "Since the words of s. 19(2) of the Act are mandatory, no prosecution could be instituted after 90 days from the date of purchase."

Dalam satu kes lain yang berkaitan adalah diperhatikan pendakwa telah mendakwa tertuduh di bawah Copyright Act 1969 dan kemudiannya tertuduh dilepaskan tanpa dibebaskan dan pertuduhan itu, apabila pendakwa hendak mendakwa tertuduh semula atas kesalahan yang sama, pendakwaan kali kedua itu hendaklah dijalankan dalam masa enam bulan dari tarikh video tapes itu dirampas, selaras dengan s. 15(4) Akta itu. Demikian diputuskan oleh Ajaib Singh J dalam kes *PP v. Oh Teck Soon* [1986] 1 MLJ 3. Yang Arif itu berkata pendakwaan yang pertama dalam masa enam bulan itu telah berakhir apabila

tertuduh dilepaskan dan pendakwaan kali kedua yang dibuat selepas tempoh enam bulan bukan menyambung pendakwaan pertama tadi dan kerana itu pendakwaan kali kedua itu tetap di luar tempoh dan taksah.

Adalah diperhatikan juga bahawa Steve LK Shim J dalam kes *PP v. Sim Lee Kun* [1995] 3 CLJ 756 berpendirian yang sama apabila beliau mentafsirkan s. 19 Trade Description Act 1972. Beliau berkata pendakwaan kali kedua setelah tertuduh dilepaskan pada pendakwaan pertama hendaklah dibuat dalam masa enam bulan, jika tidak, pendakwaan itu taksah dan terbatal.

Pada pertimbangan saya apabila statut menetapkan tempoh untuk mana-mana pihak melakukan sesuatu, pihak itu wajib mematuhi tempoh yang ditetapkan itu. Jika statut itu berkaitan dengan jenayah, tempoh itu mandatori dan tidak boleh dilanggar. Di bawah s. 19(2) Akta Makanan 1983, tempoh untuk memulakan prosiding ialah dalam tempoh enam bulan selepas makanan itu dibeli. Tujuan Akta ini menetapkan tempoh enam bulan itu ialah untuk tertuduh tahu dalam tempoh itu sama ada pendakwa hendak mendakwanya dan yang demikian tertuduh boleh mencabar Analyst Certificate atau meminta sampel daging babi mentah itu dianalisa. Selepas enam bulan daging mentah itu mungkin berubah sifat, ciri-ciri dan kandungannya.

Dalam kes ini tindakan pendakwa terhadap tertuduh dengan memfailkan aduan di hadapan majistret dalam masa enam bulan telah menepati tujuan penetapan tempoh itu dan tindakan kedua bagi mendakwa semula tertuduh bagi kesalahan yang sama setelah beliau dilepaskan tanpa dibebaskan, walaupun dibuat di luar tempoh enam bulan dari tarikh makanan itu dibeli, pendakwaan kali kedua ini tidak terbatal semata-mata kerana ia di luar tempoh. Pendakwaan pertama belum selesai. Tertuduh cuma dilepaskan bukan dibebaskan. Pendakwa mempunyai budibicara untuk mendakwa semula tertuduh. Maka pendakwaan kedua adalah ekoran dan kesinambungan dari pendakwaan pertama dan oleh kerana pendakwaan pertama dibuat dalam tempoh enam bulan pendakwaan kedua adalah sah dan teratur. Sebagai contoh jika pada mulanya tertuduh didakwa dalam tempoh enam bulan tetapi semasa perbicaraan yang lazimnya ditetapkan melebihi tempoh enam bulan, tertuduh dilepaskan tanpa dibebaskan atas apajua sebab seperti tertuduh tidak dapat disaman atau tertuduh tidak dapat ditangkap selepas tiga kali percubaan atau saksi pendakwa tidak hadir atau pertuduhan didapati ternyata cacat, dalam keadaan sedemikian adalah tidak wajar tertuduh dihalang untuk didakwa semula disebabkan enam bulan telah berlalu, suatu keadaan di luar kuasa dan keupayaan pendakwa. Jika dihalang, perintah "tertuduh dilepas tanpa dibebaskan" tidak mencapai maksud, merampas hak dan kuasa Pendakwa Raya malahan menindas dan bertentangan dengan kepentingan awam.

Isu Kedua: Kuatkuasa Izin Untuk Mendakwa Tertuduh

Nota keterangan dalam rekod semakan semula menunjukkan pada 14 Februari 2001 tertuduh hadir, beliau dibela oleh peguambela C.V. Prabakaran dan pendakwaan dijalankan oleh Low Chin Aun, seorang Inspektor Kesihatan Kanan, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Pada hari itu pegawai pendakwa mengemukakan izin untuk mendakwa yang ditanda sebagai eks. P1. Saya tidak dapat meneliti eksibit ini khususnya mengenai tarikh ia diberi kerana ia tidak terdapat dalam rekod semakan semula. Disebaliknya saya ada ditunjukkan surat pemberian kuasa di bawah s. 377(b) s. 376(iii) Kanun Acara Jenayah. Surat ini menyatakan bahawa Encik Noorbahri bin Baharuddin, Timbalan Pendakwa Raya Pulau Pinang telah memberi kuasa kepada Lau Chin Aun, Inspektor Kesihatan Kanan, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor untuk menjalankan pendakwaan di Mahkamah Sesyen/Majistret di dalam Negeri Pulau Pinang. Surat ini bertarikh 11 Julai 2000. Maka pendakwaan kali pertama sebelum tarikh ini adalah di luar kuasa. Seterusnya diperhatikan pendakwa mengemukakan aduan kepada majistret pada 24 April 2000 dan saman terhadap tertuduh telah dikeluarkan pada 24 April 2000 akan tetapi Timbalan Pendakwa Raya, Umar Saifuddin b. Jaafar hanya memberi kebenaran untuk mendakwa tertuduh pada 25 April 2000. Maka pendakwaan pada 24 April 2000 adalah tanpa kuasa yang sah.

Pada hemat saya proses pendakwaan bermula apabila seorang Inspektor Kesihatan Kanan mengemukakan aduan kepada majistret untuk mengeluarkan saman. Pegawai itu hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran Timbalan Pendakwa Raya untuk memulakan pendakwaan dengan mengemukakan aduan kepada majistret. Pegawai itu tidak berbuat sedemikian. Timbalan Pendakwa Raya tidak membuat penilaian dan pertimbangan untuk mendakwa. Oleh kerana itu, izin untuk mendakwa (eks. P1) yang diberi selepas aduan dibuat kepada majistret tidak memulihkan aduan itu menjadi sah melainkan kebenaran untuk mengemukakan aduan kepada majistret telah diperolehi terlebih dahulu daripada Timbalan Pendakwa Raya; *Perumal v. PP* [1970] 2 MLJ 265.

Seterusnya saya juga menimbangkan sama ada Ho Nee Yong, Ketua Inspektor Kesihatan adalah seorang "authorised officer" yang boleh menjalankan pendakwaan dengan mengemukakan aduan kepada majistret.

Seksyen 19(1) Akta Makanan memperuntukkan:

> Where any analyst having analysed or examined any food to which this Act applies, has given a certificate and from that certificate it appears that an offence under this Act has been committed, an authorised officer may take proceedings under this Act before any court having jurisdiction in the place where the food sold was actually delivered to the purchaser or the sample thereof taken.

Menurut s. 2 Akta "authorised officer" bermakna "any medical officer of health or any health Inspector of the Ministry of Health or of any local authority, or any suitably qualified person, appointed by the Minister to be an authorised officer under s. 3". Adalah jelas peruntukan ini memberi kuasa kepada Menteri Kesihatan untuk melantik pegawainya bagi memulakan tindakan pendakwaan di bawah Akta ini. Sebenarkan Menteri Kesihatan tidak berkuasa melantik dan pegawainya tidak berkuasa memulakan pendakwaan terhadap mana-mana orang mengenai apajua kesalahan melainkan kuasa untuk mendakwa diberi oleh Pendakwa Raya/Timbalan Pendakwa Raya kepadanya.

Pada pendapat saya ungkapan "an authorised officer may take proceedings under this Act" adalah di luar Perlembagaan, tidak sah dan terbatal kerana kuasa "authorised officer" itu melampaui kuasa Pendakwa Raya untuk mendakwa atau tidak mendakwa mana-mana orang terhadap apa-apa kesalahan, di bawah Akta itu. (Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan dan s. 376 Kanun Acara Jenayah).

Kesimpulan saya ialah authorised officer tidak berkuasa mengemukakan aduan kepada majistret untuk mengeluarkan saman terhadap tertuduh di bawah Akta Makanan tanpa kebenaran bertulis dan Timbalan Pendakwa Raya dan seterusnya izin untuk mendakwa dari Timbalan Pendakwa Raya (eks. P1) yang dikemukakan kepada mahkamah semasa pendakwaan kedua tidak dapat memulihkan kuasa taksah itu. (*PP v. Jamil bin Jilap & 5 Ors* [2000] 5 CLJ Supp 368. Oleh hal yang demikian pendakwaan tertuduh pada kali kedua di bawah Akta Makanan 1983 adalah tidak sah dan terbatal. Saya bersetuju dengan keputusan majistret yang bijaksana mengenai isu pertama. Isu kedua tidak dipertikaikan mahupun dihujahkan di hadapan majistret itu. Walaupun demikian saya wajar menimbangkan isu itu sebagaimana diputuskan di atas. Maka saya benarkan permohonan pemohon/tertuduh dalam kes semakan jenayah ini. Saman No. 87-761-2000 dibatalkan dan tertuduh dilepaskan dan dibebaskan.